From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 30 June, 2022 10:01:01 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: ATLET CEMERLANG UUM TERIMA INSENTIF

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2022 / 30 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

ATLET CEMERLANG UUM TERIMA INSENTIF














UUM ONLINE: Kejayaan atlet Universiti Utara Malaysia (UUM) mengharumkan nama universiti dan negara dalam pelbagai kejohanan sukan baru-baru ini melayakkan mereka menerima insentif daripada universiti, semalam.

Atlet berkenaan ialah Siti Shazwana Ajak yang berjaya merangkul pingat perak pada Sukan SEA Ke-31 Hanoi di Vietnam pada Mei lalu; Nur Nadhirah Azmi merangkul pingat emas bagi acara boling padang di Kejohanan Lawn Bowls IPT 2022 di Negeri Sembilan dan pasukan taekwondo UUM yang merangkul 1 pingat perak dan 5 pingat gangsa dalam 'National Varsity Taekwondo Championship 2022' di Perlis.

Siti Shazwana merupakan penerima insentif terbanyak berupa wang tunai RM1,000, diikuti pasukan taekwando UUM sebanyak RM650 dan Nur Nadhirah menerima RM250.

Insentif tersebut telah disampaikan Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah dengan disaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed.

Haim Hilman dalam ucapannya berkata, beliau gembira di atas kejayaan cemerlang atlet UUM yang telah menyumbang pingat dalam acara sukan diwakili.

Dengan kejayaan yang diperoleh itu, beliau mengingatkan para atlet agar menggunakan bakat dan disiplin yang ada untuk dijadikan contoh kepada pelajar lain.

“Kita mungkin bukan sekolah sukan atau mempunyai program sukan seperti universiti lain tetapi kita ada bakat dan minat yang boleh diasah melalui latihan.

“Sukan memerlukan teknik dan latihan yang betul, jadi saya percaya kita boleh pergi lebih jauh lagi dan buktikan UUM bukan pasukan belasahan.

“Saya juga berharap atlet kita bukan bertanding semata-mata untuk mendapatkan kejayaan tetapi turut mempunyai semangat kesukanan yang mempunyai nilai-nilai murni,” katanya.

Sementara itu, Siti Shazwana berkata, beliau bersyukur di atas pemberian itu yang secara tidak langsung menjadi pembakar semangat untuk lebih cemerlang dalam bidang sukan yang diceburi.

“Apabila diraikan bersama atlet UUM yang lain, saya menjadi lebih bersemangat tambahan lagi pada saat ini saya dalam persediaan untuk menyertai Kejohanan Dunia yang bakal berlangsung pada Julai depan.

“Saya berharap dengan sokongan diberikan universiti khususnya Naib Canselor, saya akan berjuang dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan tempat di kejohanan tersebut demi mengharumkan nama UUM,” katanya yang turut diiktiraf sebagai ‘ICON Sukan UUM’.

Tambah Siti Shazwana, dengan pengiktirafan itu akan mendorong semua pelajar UUM untuk bergiat aktif dalam bidang sukan meskipun sibuk bergelar pelajar.

Bagi Nur Nadhirah, insentif tersebut mendorongnya untuk terus giat berlatih lagi bagi mengharumkan nama UUM dalam Sukan IPT pula pada Ogos depan.

Menurutnya, dia tidak sangka kali pertama membawa nama UUM dalam acara boling padang memberi tuah kepadanya.

UUM
CORPORATE COMM.
04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.